

13 Ogos 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Mohd Abazafree bin Mohd Abas
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan
Encik Cains Tan
Encik Justin Wee
Encik Ooi Weng Swan (Pelatih dalam kamar)

Peguam Pemerhati
(kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar
Encik Sreekant Pillay
Cik Asma binti Mohd Yunus

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Lim Lip Eng
Encik Richard We
Cik June Low (pelatih dalam kamar)

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Deputy Public Prosecutor : Hari ini saya ada 2 saksi SI forensik, dari
Selangor Encik Mazli bin Jusof @ Che Kob

SI 13

Nama : Chief Insp. Mazli bin Jusof @ Che Kob
K/P : I 15071
Jawatan : Sebagai Pegawai Penyiasat Tempat Kejadian IPK Selangor

Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Malaysia

PEMERIKSAAN UTAMA :

Q : Pada 16.07.2009 kamu bertugas di mana?

A : Saya bertugas di Cawangan Forensik IPK Selangor

Q : Pada jam lebihkurang 4 petang hari tersebut adakah kamu
bertugas?

A : Saya bertugas.

Q : Apa yang telah berlaku adan apa tugas yang telah diberikan oleh
kamu?

A : Saya telah diminta oleh DSP Shapie untuk agar hadir ke Plaza
Masalam Seksyen 9 Shah Alam untuk membantu siasatan jumpa satu
mayat lelaki yang disyaki jatuh dari bangunan.

Q : Bangunan ini ditempatkan di mana?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : Plaza Masalam, Seksyen 9 shah alam

Q : Apa yang telah kamu buat selepas menerima permintaan arahan itu?

A : Saya telah pergi ke plaza masalam, jam lebihkurang 4:30 petang, saya telah tiba di plaza masalam di mana saya dapati satu team forensic pada masa itu telah berada di tingkat 14, plaza masalam.

Q : Siapakah team forensic selangor yang hadir pada masa itu?

A : Pada masa itu insp lai, Detekfit Sarjan Anwan, D.Kpl Bakar, Koperal Fadzil, Koperal Kamal dan Sarjan sokongan Nambiar.

Q : Jadi kamu pergi ke bangunan plaza masalam, c.insp pergi ke tingkat mana?

A : Saya saya sampai saya telah terus menghubungi sarjan anuar untuk mengetahui 'team forensic' di tempat lokasi team forensic, saya dimaklumkan di tingkat 15, iaitu pejabat SPRM.

Q : Jadi awak sampai lebihkurang di pejabat SPRM pukul berapa?

A : 4.40 petang dan berjumpa dengan pegawai penyiasat kes iaitu ASP Ahmad Nazri.

[Chief Insp. Mazli mengecam ASP Ahmad Nazri]

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Setelah berjumpa dengan ASP Ahmad Nazri dia telah mentaklimatkan saya di mana ASP Ahmad Nazri telah mengatakan bawah satu lelaki cina telah dijumpai mati di koridor tingkat 5 plaza masalam.

Q : Apa yang ditaklimatkan?

A : ASP Nazri menyatakan simati disyaki telah jatuh dari bangunan dan sebelum ini simati telah dipanggil ke pejabat SPRM. ASP Nazri juga menyatakan bahawa 3 patologi akan hadir untuk membantu siasatan di tempat kejadian.

Q : Adakah taklimat itu merangkumi daripada tempat mana ditingkat 14 pejabat SPRM simati disyaki jatuh?

A : ASP NAzri telah menunjukkan saya satu tingkp di pejabat SPRM di mana disyaki tempat si mati jatuh.

Q : Dalam pasukan kamu, detektif sarjan anwan beliau adalah jurugambar?

A : Ya.

Q : Adakah beliau mengambil gambar atas arahan kamu?

A : Beliau mengambil atas arahan saya.

Q : Sila lihat berapa gambar di dalam ini?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : Ada 41 keping gambar.

Deputy Public Prosecutor : Pohon ditanda.

Mahkamah : I 55.

Q : Mengenai tingkap ini yang dinyatakan simati telah jatuh, tingkap gambar mana?

A : Gambar 15,16,17,18,19,20 dan 21.

Q : Selepas taklimat ASP Ahmad Nazri apa berlaku?

A : Setelah ditaklimatkan saya telah membuat berapa pemeriksaan di kawasan tingkap yang dikatakan hasil daripada pemeriksaan saya dapati handle pengunci telah patah ditandakan sebagai no. 8.

Deputy Public Prosecutor : Gambar 17 dan 18.

Q : Apa yang kamu dapati?

A : Kesan lekukan pada bingkai tingkap ditanda sebagai no. 9 dan gambar no. 17, 19 dan 20. Kesan kekotoran pada cermin tingkap bahagian dalam. Ditanda sebagai no. 20 dan 21 dan gambar 20 dan 21. Selepas itu, saya telah minta jurugambar Detektif Sarjan Anwan untuk merakam gambar tempat kawasan tingkap yang dikatakan iaitu Detektif Sarjan Anwan telah merakam gambar daripada gambar 15 sehinggalah 21 dan kemudiannya saya telah meminta Detektif Sarjan Anwan merakam gambar kedudukan mayat dikoridor tingkat 5 dari tingkap tingkat 14 iaitu gambar 22 dan 23.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Chief Insp. adakah kamu atau rakan kamu ambil pengesanan cap jari di bahagian tingkap?

A : Saya telah meminta sarjan awan untuk membuat pengesanan cap jari melalui kaedah 'dusting' dan keputusan pengesanan cap jari didapati negatif.

Q : Kenapa?

A : Disebabkan keadaan tingkap kotor dan berhabuk.

Q : Jam lebih kurang di tempat tingkap?

A : Jam lebihkurang 5.40 petang.

Q : Lepas itu, pasukan kamu pergi ke mana?

A : Saya telah membawa pasukan saya ke koridor di tingkat 5 dimana simati berada.

Q : Apa berlaku ditingkat 5?

A : Ditingkat 5 saya telah dapati satu lelaki telah terbaring secara mengiring ke kanan dan kemudiannya membuat pemeriksaan disekitar kawasan mayat dan pada masa itu penandaan telah dilakukan oleh Insp. Lai ke atas barang-barang yang dijumpai iaitu gambar dari no. 2.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Tanda gambar no. 1 - adalah mayat

Tanda gambar no. 2 – gambar no. 2 nampak bahagian belakang simati

Tanda gambar no. 3, 8 dan 7 – tali jam

Tanda gambar no. 4 – pin tali jam (dalam exhibit gambar 9 dan 10)

Tanda gambar no. 5 – kasut sebelah kiri (dalam exhibit gambar 11)

Tanda gambar no. 6 – besi klip langsir

Tanda gambar no. 7 - butang (dalam exhibit gambar 14)

Tanda gambar no 8-10 – di atas.

Tanda gambar no. 11 – penandaan selepas patologi sampai.

Q : Apa yang berlaku selepas itu?

A : Pada pemeriksaan di koridor tingkat 5 jam lebihkurang 6.50 petang
3 patologi yang dikatakan pegawai penyiasat ASP Ahmad Nazri telah
sampai.

1) Dr. Khairul dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

2) Dr. Prasant dari PPUM

3) Dr. Mohamad Shah dari HKL

Q : Apa berlaku 3 patologi ini sampai?

A : Saya dapati ketiga-tiga patologi ini telah jumpa pegawai penyiasat
ASP Nazri dan telah diberi taklimat oleh pegawai penyiasat ASP Ahmad
Nazri selepas lebihkurang 7 malam saya bersama-sama ketiga-tiga
patologi telah membuat pemeriksaan lanjut ke atas mayat dan juga
kawasan sekitar di koridor tingkat 5.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Apa yang kamu dapati dengan patologi?

A : Pada pemeriksaan itu Dr. Khairul dan bersama Dr. Prasanth telah membuat pemeriksaan ke atas mayat, pada pemeriksaan mayat itu kami telah menjumpai satu gigi ditanda sebagai no. 11 gambar no. 28 dan 29. Kami juga telah menjumpai satu kesan lekukan pada bahagian lantai koridor tanda sebagai no. 12 gambar no. 25, 26 dan 27.

Q : Seterusnya kes apa yang berlaku?

A ; Seterusnya saya telah membawa Dr. Prasanth dan Dr. khairul ke tingkat 14 iaitu pejabat SPRM untuk membuat pemeriksaan sekali lagi.

Q : Dr. Mohamad Shah ada pergi ke tingkat 14 atau tidak?

A ; Saya tidak pasti.

Q : Ditingkat 14 apa berlaku?

A : Dr. Prasahant telah membuat pemeriksaan di bahagian tingkap bersama saya di bahagian tingkap ke 4 ditingkat 14

Q : Bila Chief Insp. membuat pemeriksaan ada pakai sarung tangan?

A : Ada sepanjang masa.

Q : Dr. Prasant dan Dr. Khairul ada pakai?

A ; Saya ada bekalkan kepada mereka.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Apa berlaku di tingkat 14?

A : Dr. Prasant telah membuat pemeriksaan di bahagian tingkap pada masa itu Dr. Prasant ambil gambar kemudiannya dia telah turun kembali ke tingkat 5 setelah membuat pemeriksaan dan mengambil gambar dan dia telah meminta saya terus membuat siasatan saya.

Q : Masa naik kembali dengan Dr. jam lebihkurang berapa?

A : 8 15 malam. Pada masa saya ke tingkat 14bersama patologi, saya telah membuat pertandaan di sofa. No. 14 gambar 38 dan 38 A.

Q : Kenapa kita tanda sofa ini?

A : Saya dimaklumkan oleh pegawai Penyiasat ASP Ahmad Nazri bahawa simati pernah duduk dan berbaring di atas sofa ini.

Q : Ada ambil swabbing dari tempat kejadian?

A ; Saya telah buat 2 swabing pada sofa yang saya tandakan 13 .

Q : Selepas itu?

A : Selepas itu saya terus ke koridor tingkat 5 dan saya bila, berada di koridor tingkat 5 saya telah mengambil potongan lantai yang ada kesan lekuk yang bertanda 12, gambar 33 dan 34. Gambar 36 dan 37 sebelum bertanda, yang sebenarnya gambar 33,34, dan 35.

Q : Buat itu untuk tujuan apa?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

(Rujuk gambar 32)

A : Kita dapati ada kesan kekotoran di bahagian seluar belakang yang koyak.

Q : Selepas itu?

A : Pada jam lebihkurang 9 malam, saya bersama anggota saya team forensic telah memasukkan mayat di dalam plastik hitam.

Q : Tujuan?

A : Untuk dihantar ke hospital dan diserahkan kepada pegawai penyiasat ASP Ahmad Nazri.

Q : C. Insp. bagaimana dengan barang-barang yang telah ditanda sebagai exhibit apa yang telah kamu buat dengannya. Jam berapa?

A : Setelah selesai memasukan mayat ke dalam plastik hitam dan serah dan Kepada pegawai penyiasat saya telah membuat pembungkusan kepada barang kes ditanda iaitu no.2,3,4,5,6,7, dan 11, untuk makluman exhibit yang ditandakan sebagai no. 10 adalah kesan kekotoran di bahagian dalam tingkap. Saya telah membuat 2 swabbing setelah selesai membuat pembungkusan dengan barang kes jam 9:45 malam kesemua barang kes saya telah menyerahkan kepada pegawai penyiasat ASP Nazri berserta swabbing.

Deputy Public Prosecutor : Pohon arahan exhibit

Mahkamah : Exhibit telah diambil dan ditanda sebelum itu.
Untuk pengesahan saksi.

Q : Barang kes seluar 16 D?

Mahkamah : Minta saksi tunjukkan kesan di mana?
Di bahagian punggung.

Q : Boleh nampak bahagian kotor di bahagian punggung?

A : Kurang jelas sikit. Kesan kekotoran di sebelah atas bersebelahan
kocek. (kanan seluar)

Mahkamah : Berkaitan dengan lekukan. (Tanda 12)

A : Ya ...lekukan.

[saksi membuat pengecaman ke atas seluar – 16 D]

[Saksi dicamkan]

Q : Blazer – 36 C?

A : [Saksi membuat pengecaman blazer – 36C] – dicamkan.

Q : Baju yang dipakai dalam boleh cam atau tidak?

A : Baju yang dipakai dalam tidak boleh cam sebab tidak buka dan
saya tahu ia berwarna biru.

Q : Tali jam – 15 A?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Deputy Public Prosecutor : Ditandakan sebagai gambar no. 3 & 8.

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas tali jam] – dicamkan. (no. 3)

Q : Pin tali jam no. 4 – 15 D?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas pin tali jam] – dicamkan.

Q ; Kasut sebelah kiri no. 5?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas kasut] – dicamkan. (no. 5)

Q : No. 6 – klip kain langsir – I 19 A?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas klip kain langsir] – dicamkan. (no. 6)

Q : Butang logam tanda sebagai no. 7 – I 20A

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas butang logam bersama benang putih] – dicamkan. (no. 7)

Q : Gigi – no. 11 – I 22 A?

A : Gigi tidak dapat dicamkan kerana hancur.

Q : Potong lapisan lantai no. 12 – I 21 A?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas potongan lapisan lantai] – dicamkan. (no. 12).

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Skru – I 17 A. dijumpai di mana?

A : Berhampiran punggung si mati – dicamkan. (no. 2)

Mahkamah : No. 2.

Deputy Public Prosecutor : Yes correct.

Q : C.Insp. ambil 2 swab dari tingkap dan sofa?

A : Ya 2 swab dari tingkap dan 2 swab sofa bermakna ada 4.

Q : Tingkap dan sofa - I30 A, 31 A dan 33A, 44A....

Q : Bagaimana dicamkan?

A : Ada tandatangan saya.

Q : 30 A?

A : Adalah swabing kotoran bahagian dalam cermin tingkap.

Mahkamah : Yang ditanda 10.

A : Ya, ditanda 10.

Deputy Public Prosecutor : Ya, ditanda 10.

Q : 33A?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas 33A]
Dicamkan dan swabbing ada tandatangan saya yang disofa ditanda sebagai no. 13 gambar 39.

Q : 34 A?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas 34A]
Dicamkan dan swabbing ada tandatangan saya swabbing pada sofa ditanda sebagai no.13 gambar 39.

Q : 31 A?

A : [Saksi membuat pengecaman ke atas 34A]
Dicamkan ada tandatangan saya dan swabbing kekotoran bahagian dalam kotoran tingkap ditanda sebagai exhibit no.10.

Deputy Public Prosecutor : Tiada soalan lagi kepada saksi hanya untuk rekod sahaja pada hari jumaat lepas kesemua pihak dan juga bahagian forensic selangor diketuai oleh C.Insp. Mazli dan pakar intersted parties hadir di Plaza Masalam dan kesan-kesan disyaki itu kesemuanya bukannya darah dan semuanya negatif dan bukan darah manusia.

No futher question.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Pemeriksaan oleh Encik Malik Imtiaz:

Q : C.Insp jawatan C.Insp pegawai penyiasat di tempat kejadian. Secara am apakah tugas-tugas pegawai penyiasat secara am?

A : Saya akan membantu pegawai penyiasat daerah bagi kontinjen Selangor dalam membuat siasatan di tempat kejadian terutamanya kes-kes bunuh, samun dan berprofile tinggi.

Q : Secara amnya, semasa di tempat kejadian, adakah C.insp ada budibicara atau mesti ikut arahan?

A : Mengikut pada budir bicara saya.

Q : Tadi dinyatakan C.insp diminta oleh DSP Shapie, boleh jelaskan Menjelaskan siapa DSP Shapie?

A : DSP Shapie adalah DSP kes bunuh D9 iaitu cawangan jenayah berat IPK Selangor.

Q : Dia terlibat dalam kes?

A : Dia tidak terlibat secara langsung cuma kalau ada kes I.O daerah akan maklum kepada dia.

Q : Dinyatakan tadi bahawa apabila C.Insp tiba di plaza masalam telah naik ke tingkat 14 ?

A : Ya.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : C.Insp memberitahu team forensic seperti Insp. Lai ada disitu daripada adakah C.Insp ketua pasukan ini untuk tempat kejadian disini, betu?

A ; Betul.

Q : Tadi dinyatakan diberikan taklumat oleh I.O ASP Nazri disini dinyatakan bahawa antara lain, ASP Nazri tunjuk ditingkap SPRM di mana disyaki si mati jatuh, C.Insp.boleh jelaskan kenapa tempat itu disyaki bukan di tempat lain? Tingkap itu sahaja?

A : Apabila saya sampai I.O tunjukkan kepada tempat itu dan siasatan berpandukan kepada siasatan pegawai penyiasat.

Q : Pada masa itu ditunjukkan tingkap itu ingat tak pukul berapa?

A : Mohon rujuk IP, Jam lebihkurang 4.40 petang.

Q : Bila tiba disitu adakah crime scene di tingkat 14 itu sudah dikawal?

A : Sudah dikawal.

Q : Adakah c.insp tahu pukul berapa primesice tersebut dikawal?

A : Tidak tahu.

Q : Ada kemungkinan site itu dikawal sebelum orang lain masuk ke tempat itu?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : Boleh

Q : Tadi diberitahu bahawa C.Insp telah diarahkan untuk pengambilan cap jari / dusting, di sini hasil adalah negative keadaan tingkap kotor dan berhabuk adakah C.insp lihat kesan apa-apa kesan tapak kasut dan sebagainya di bahu tingkap.

A : Tidak ada.

Q : Memang periksa?

A : Periksa.

Q : Tetapi itu memang berhabuk?

A : Memang berhabuk kalau ada orang pijak mesti ada kesan.

Q : Tiada sesiapa-siapa yang pijak?

A : Tiada kesan.

Q : Kalau hendak naik ke tingkat tu, senang atau tidak?
Berapa tinggi bahu tingkap itu? Kalau boleh rujuk kepada gambar-gambar tadi?

A : [saksi rujuk gambar-gambar]
Kita rujuk pada gambar no. 16. Tinggi tingkap daripada lantai ke paras kedudukan no. 9, 3 kaki 3 inci. Keluasan tingkap, lebar 2 kaki 10 inci.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : C. Insp. bahagian bawah pada dinding berapa ketinggian?

A : Saya tidak ukur, saya tidak pasti.

Q : Tadi kata tidak ada kesan kasut di kawasan itu?

A : Pada bahagian antara cermin dengan simen.
[Saksi rujuk gambar]

Q : Di tempat no. 9 ada tak bekas tempat kasut?

A : Tidak ada.

Q : Kedua-dua tempat pun tiada?

A ; Tiada.

Q : Bingkai di tepi, tidak ada apa-apa kesan?

A : Tiada.

Q : Selain daripada kawasan di tingkap itu, C.Insp membuat pemeriksaan di mana di sofa sahaja?

A : Di tempat sofa sahaja dan 2 pemeriksaan di tingkat 14, 2 tempat iaitu di kawasan tingkap dan sofa.

Q : Adakah C.insp dan pasukan2 c.insp buat apa-apa pemeriksaan 'poli light'?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : Tidak ada.

Q : Analisis polilmoer.

A : Tidak ada.

Q : Di kawasan karpet di tingkap ini?

A : Tiada.

Q : Ada dinyatakan 3 patologi tiba lebihkurang 6.50 petang dan dinyatakan bahawa Dr. Khairul dan Dr. Prasant memeriksa ke atas mayat. Soalan saya C.Insp adakah C.Insp memerhati samada Dr. Khairul ataupun Dr. Prasanth membuat core temperature reading ke atas mayat?

A : Tidak buat.

Q : C.Insp. tahu kenapa dia orang tidak buat?

A : Saya tidak diberitahu.

Q : Di Tingkat 14, dibahagian luar tingkap itu, bila tingkap itu dibuka apabila kita menjenguk keluar dari tingkap luar dan bahagian dinding dibawah, c.insp ingat tak, adakah apa-apa pemeriksaan dibuat di atas tempat itu. Di bawah tingkat itu, misalnya di gambar no. 16, di di bahagian cermin bahagian luar di bawah tempat cermin itu ada dinding adakah apa-apa pemeriksaan di buat dinding simen itu?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A : Pemeriksaan secara mata kasar dari sini tengok keluar.

Q : So tidak ada apa2 dusting atau apa-apa analisa lain dibuat di dinding itu?

A : Tiada.

Q : Tadi di beritahu bahawa seluar simati ada kesan hitam – rujuk gambar 32. C.Insp. beritahu bahawa terdapat kesan di situ di bahagian atas dan C.Insp menjelaskan bahawa oleh kerana ada kesan itu bahagian lantai itu di ambil. Adakah apa-apa analisa dibuat ke atas seluar tersebut untuk menunjukkan memang dilantai itu.

A : Saya tidak buat analisa.

Q : Dan tadi c.insp beritahu bahawa atas anggapan bahawa kesan ini adalah dari bahagian lantai dan swabbing diambil oleh c.insp dari tingkap dan sofa sahaja dan tiada tempat ruang lain?

A : Tiada.

Q : Di bahagian tingkat 5 adakah apa-apa ujian poli light dibuat dan luminor dibuat pada masa itu?

A : Tidak ada.

Q : Kita rujuk kepada exhibit-exhibit?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Bila C.Insp ambil kasut sebelah kiri itu adakah c.insp memerhatikan keadaan kasut tersebut?

A : Ada.

Q : Boleh C.Insp menjelaskan keadaan kasut tersebut. Bila C.Insp melihat keadaan kasut tersebut di bahagian bawah?

A : Kasut ini dalam keadaan biasa tiada kerosakan yang ketara pada kasut.

Q : Adakah C.Insp. melihat kasut lagi satu, boleh ingat tak bahagian kasut tersebut, bahagian tapak?

A : Ada kesan gesaran yang ketara.

Q : Ada kesan chalky white substance pada kasut itu?

A : Ada.

Q : Adakah C.Insp ambil apa-apa langkah untuk memastikan dari mana kesan kapur itu datang?

A : Tidak ada.

[saksi merujuk kepada exhibit-exhibit]

Mahkamah : I 40 E.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Cuba lihat kasut yang sebelah kanan. Ada beberapa kesan di bawah tapak kasut memang ada satu geseran ada beberapa lapisan kain yang berwarna krim. Adakah C.Insp ambil apa-apa langkah untuk mengenal pasti lapisan kain itu?

A : Tidak ada sebab pada saya ini adalah sebahagian daripada kasut.

Q : Adakah beberapa langkah diambil untuk dicari?

A : Saya cuba cari.

Q : Cuba cari ditingkat 14, mana?

A : Bahagian luar tingkap tepi, bingkai tingkap dan juga dibahagian tingkat 5.

[saksi merujuk gambar 22]

Kawasan bunga yang berwarna merah dan juga kawasan bawah sekali yang ada tangga dan juga kawasan parking kereta.

Q : Tingkat 5 tidak ada?

A : Tingkat 5, kita ada buat pemeriksaan tetapi tidak jumpa.

Q : Di bahagian bawah?

A : Tidak jumpa.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Pukul berapa buat pemeriksaan di bahagian bawah?

A : Pemeriksaan dibuat pada jam pukul 5.45 ptg.

Q : Di tingkat 14, di kawasan tingkap?

A : Tidak ada.

Q : Tempat-tempat lain di tingkat 14 tidak periksa?

A : Tidak periksa cuma kawasan tingkap dan sofa

Q : Adakah C.Insp tahu bahawa pegawai SPRM naik ke tingkat 15 dengan pintu rintangan api?

A : Untuk pengetahuan makluman, pada hari kejadian saya tidak tahu bahawa SPRM ada pejabat di tingkat 15.

Q : Setuju yang bahagian tapak kasut itu yang terkeluar memang ada implikasi yang penting dalam kes ini, yang gesel itu dan juga yang bawah itu dah keluar?

A : Setuju.

Q : Kesan- kesan geseran itu ada kemungkinan yang simati diseret semasa memakai kasut itu.

A : Tidak ada.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Kenapa tidak?

A : Pada kebiasaan kalau kita diseret, kita tidak akan kena pada tapak kasut.

Q : Kenapa tidak ada?

A : Kalau kita tarik, kaki akan melengkung. Ditarik dari arah tepi.

[Saksi menunjukkan cara]

Q : Kesan geseran itu pun tidak boleh. Sila lihat arah geseran dari tepi adakah boleh?

A : Kita akan tahan kasut kita. [saksi menunjukkan dengan cara].

Q : Ada kemungkinan.

A : Ada.

No. futher question.

Pemeriksaan oleh Encik Sreekant Pillay:

Q : Semasa ditingkat 14, adakah c.insp diarahkan untuk membuat apa-apa pemeriksaan di bilik di mana simati berada sebelum kejadian?

A : Tidak ada.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Ditingkat 5 adakah, c.insp membuat apa-apa pengesanan cap jari tempat di mana mayat dijumpai?

A : Tidak ada.

Q : Adakah anda diarahkan atau atau buat budibicara sendiri apa-apa ujian pemeriksaan cap jari di atas pakaian simati yang dipakai simati?

A : Tidak ada.

Q : Adakah c.isnp membuat apa-apa ujian pengesanan cap jari ke atas mayat badan mayat simati?

A : Tidak ada.

Q : Tidak diarahkan.

A : Tiada ada. (tak diarahkan)

Q : Adakah apa-apa ujian atau pengesanan cap jari dilakukan khususnya ke atas tali pinggang si mati?

A : Tidak ada.

Q : Klip logam yang dijumpai ditingkat 5 – rujuk exhibit 19 A gambar no.12. Adakah tanda membuat apa-apa perbandingan dengan klip logam ini ditingkat 14 apa-apa yang hilang berpadan dengan klip logam ini?

A : Ada, di tingkat 14 tidak ada yang sama dengan klip ini.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Pada masa ditingkat 5, membuat pemeriksaan tingkat 5 adakah dimana-mana C.Insp menjumpai muka jam tangan?

A : Tidak ada.

Q : Adakah C.Insp periksa untuk ...

A : Sekitar tingkap 14.

Q : Tingkat 5.

A : Disekitar kawasan.

[saksi rujuk gambar 23]

Sekitar mayat yang dijumpai tempat bunga berwarna merah, kawasan tangga dan kawasan tempat letak kereta.

Q ; Ada apa-apa pemeriksaan di dalam kawasan air-cond stand?

A : Ada.

Q : Di dalam.

A : Di dalam aircond tidak masuk.

Q : Sila rujuk gambar 19, adakah C.Insp membuat apa-apa pemeriksaan dan perbandingan dengan calar di bawah tingkap ini dengan tali pinggang?

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

A ; Tidak ada.

Tiada soalan lagi. Question reserved to En. Gobind Singh Deo.

Subject to recall.

Watching brief (Bar Council) : Tiada soalan.

Pemeriksaan oleh Timbalan Pendakwaraya:

Q : C.insp. Mazli sila jelaskan kepada Mahkamah nampaknyalah ada sedikit kekeliruan dengan tugas perbandingan pakar patologi. Ada kamu foresik team ke tempat kejadian, adakah tugas kamu ..periksa mayat?

A : Tiada.

Q : Itu tugas siapa?

A : Saya tidak tahu.

Q : Saya nak tanya tentang tingkap, tingkap 2 yang ditunjukkan kepada kamu yang dikatakan simati terjatuh, berapa jauhkah kita boleh buka tingkap untuk menjengok keluar untuk menjengok ke luar ke bawah. Ada buka seluas-luasnya.

A : Ada cuba, lebihkurang dalam 45 darjah.

Q : Tadi rakan saya, encik malik imtiaz, tanya berapa soalan tentang

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

bahu tingkap di gambar 15 dan 16. Kamu katakan dari lantai ke bingkai tingkap 3 kaki 3 inci. Boleh kah seseorang melangkah keluar?

A : Boleh.

Q : Tadi rakan saya tanya tentang kasut, kasut bahagian kanan ada kesan2 geseran di tepi kanan atau tepi kiri atau depan kasut atau di bahagian kanan kasut.

A : Tidak ada.

Q : Ada kesan-kesan geseran atas kasut?

A : Tidak ada.

Watching brief [Encik Richard wee]: Saya pohon izin untuk buat soalan selepas ini.

Mahkamah : Boleh.

No futher question.

Pemeriksaan oleh [Encik Richard wee]:

Q : C.Insp semasa soal balas Mr. Tan saya dengan C.Insp mengatakan ada kemungkinan orang melangkah keluar ke tingkap, adakah itu benar?

A : Ada kemungkinan keluar dan boleh melangkah.

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

Q : Jadi saya juga ternampak gambar-gambar yang diberi bahawa seluar simati di bahagian punggung simati telah terkoyak, adakah itu betul.

A : Betul koyak.

Q : Memandangkan seluar itu terkoyak, diluar tingkap 14, c.insp ada ternampak apa-apa barang terbungkil keluar dan tajam yang boleh menyebabkan seluar tersebut tersangkut atau terkoyak?

A : Tidak ada.

Q : Dari mata kasar yang C.Insp nampak di plaza malasam adakah betul saya katakan mata kasar nampaknya bangunan itu macam straight dan dari mata kasar dari tingkat 14 ke tingkat 5 tak nampak benda2 boleh menyebabkan seluar itu terbungkil atau terkoyak?

A : Tidak ada.

Q : Masih tentang seluar, dibingklai tingkat 14, di bahagian bawah Ada tak C. Insp terjumpa apa-apa serpihan seluar dipanggil fiber?

A : Dipanggil fiber, tidak ada.

No further question.

Soalan dari mahkamah :

Mahkamah : Kasut yang belah kanan itu ada samada yang macam hitam

SI 13 – CHIEF INSP, MAZLI BIN JUSOF @ CHE KOB

macam kain yang melekat di bahagian atas di bahagian di tengah di tumit kasut itu di bahagian atas itu adakah sebahagian kasut atau bahan asing pada kasut?

A : Sebahagian daripada kasut.

Q : Bukan ia melekat pada kasut semasa si mati jatuh?

A : Tidak ada.

Q : Tidak membuat pemeriksaan adakah ia betul daripada kasut tu atau bukan?

A : Itu saya tidak pasti kena hantar kepada kilang untuk pastikan.

Mahkamah : Adakah ia sepadan dikawasan 14 dan 5 bahan mempunyai yang sama dengan itu.

A : Tidak ada.

Mahkamah : Saksi di lepaskan.
Subject to recall (Encik Gobind).
Stand down.

tt. Azmil Muntapha bin Abas

11:30 am.

Pihak-pihak seperti tadi.

Mahkamah : Saksi yang ke 14 untuk dipanggil.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Deputy Public Prosecutor : Ya. Panggil DSP Sharul Othman

SI 14

Nama : DSP Shahrul Othman bin Mansor

Jawatan : DSP Seksyen tempat kejadian

Bertugas : Makmal Forensik PDRM Cheras

Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Malaysia

Pemeriksaan oleh Timbalan Pendakwaraya:

Q : DSP, pada 19.7.2009, dimanakah kamu bertugas?

A : Pada tarikh tersebut saya bertugas di Makmal forensik PDRM Cheras.

Q : Makmal forensik Bukit Aman bertempat di Cheras?

A : Ya.

Q : Pada jam lebihkurang 3.30 petang pada hari tersebut adakah kamu bertugas?

A : Ya.

Q : Ada terima arahan-arahan untuk apa-apa kerja?

A : Pada jam lebihkurang 3.30 petang tersebut Saya telah menerima arahan daripada ACP FAdil bin Ahmad melalui telefon beliau telah mengarahkan saya untuk ke pergi pejabat SPRM di Plaza Masalam Shah Alam.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Siapa ACP Fadzil?

A : Adalah ketua seksyen audio video di makmal pdrm.

Q ; Setelah menerima arahan tersebut apa yang telah kamu buat?

A : Saya telah mengubungi c.insp mohd nizam iaitu team yang standby untuk seksyen tempat kejadian pada tarikh tersebut dan mengarahkan beliau untuk membawa ahli-ahli team dan alat-alat untuk berjumpa saya di IDP Shah Alam.

Q : Pukul berapakah kamu sampai di IPD shah alam, lebihkurang?

A : Pada tarikh tersebut lebih kurang 4.45 ptg, saya telah berjumpa dengan c.insp ahmad nizam dan anggota team yang terdiri daripada c.insp. Yam Tze Yong , Sarjan Roslan bin Mohd Ali, Sarjan Kamarul zaman bin Mohd Harun, dan Detekfi kopral Arbaah. Sampai di IPD shah alam saya telah berjumpa dengan pegawai penyiasat iaitu ASP Ahmad Nazri bin Zainal.

Q : Sesiapa lain pegawai yang lain yg hadir?

A : pada masa sama ACP Dadil dan Insp. Amerudin turut berada di IPD shah alam.

[Saksi telah mengecamkan ASP Ahmad Nazri]

Q : Apa berlaku pada tempat IPD?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

A : Insp. Nazri telah memberi sedikit penerangan dan kami pasukan dari forensik Bukit Aman bersama ASP Ahmad Nazri telah menghala ke tingkat 14 plaza masalam.

Q : Sampai tingkat 14 plaza masalam jam lebihkurang berapa?

A : Kami sampai lebih kurang 5.00 petang tarikh yang sama .

Q : Tingkat 14 pejabat siapa?

A : Pejabat SPRM selangor, apabila sampai di pejabat SPRM selangor pejabat 14 palza masalam, saya dapati timbalan OCC selangor iaitu ACP Omar Mamak, KSJD Shah Alam, DSP Kamarudin dan beberapa pegawai dan anggota dari IPD shah alam serta beberapa pegawai sprm berada ditingkat iaitu14 pejabat SPRM selangor.

Q : Apa arahan yang kamu terima pada masa itu di pejabat SPRM?

A : Saya telah diberi taklimat daripada timbalan OCCI Selangor dan DSP Fadzil di mana saya telah diarahkan untuk membuat pemeriksaan lanjut dibilik di mana mangsa diambil keterangan, bilik di mana mangsa disoal dan sebuah satu tingkap dtingkap yang sama.

Q : Selain seorang ahli pasukan detektffi koperal abraah, adakah dia beliau jurugambar?

A : Ya.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Deputy Public Prosecutor : Pohon ditandakan satu gambar yg baru.

Q : Sila lihat berapa gambar disitu?

A : Jumlah gambar yang diambil oleh koperal arbaah sebanyak 54 keping gambar.

Mahkamah : I 56.

Q : Pukul berapakah pasukan kamu memulai pemeriksaan di pejabat SPRM selangor?

A : Selepas menerima taklimat daripada timbalan OCCI selangor saya telah memberi taklimat ringkas kepada team yang hadir, saya sendiri bertindak sebagai team leader.....insp. Yam sebagai pencatit, sarjan kamarulzaman sebagai pelukis pelan, sarjan roslan sebagai pegawai pemungut dan pengumpul bahan bukti dan kop. Abrahah sebagai jurugambar.

Q : Jam berapa?

A : Lebihkurang 5 petang. Pemerikaan awal dibuat di pintu utama pejabat SPRM dan turut hadir pegawai SPRM iaitu Anuar bin Ismail dan juga pegawai penyiasat iaitu ASP Ahmad Nazri.

Gambar 1, 2 dan 3 – adalah gambarkan pintu utama sprm.

Q : Macamana kamu masuk?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

- A : saya dapati adalah mesti menggunakan akses kad.
- Q : Macamana kamu masuk, guna akses kad siapa?
- A : Encik Anuar.
- Q : Gambar ke 4.
- A ; bahagian belah dalam pejabat Kawasan penyambut tetamu.
- Q : Bilik mana yang kamu mulakan pemeriksaan?
- A : Pemeriksaan pertama di bilik di mana mangsa disoal iaitu gambar no. 6. Adalah pintu masuk utama masuk ke bilik didapati ini adalah bilik mesyuarat utama SPRM.
- Q : Tadi awak katakan ini adalah bilik di mana mangsa telah disoal?
- A : Gambar 6,7,8 sehingga 12.
- Q : Siapa yang beritahu kamu inilah bilik mesyuarat di mana simati telah disoal?
- A : Encik Anuar.
- Q : Ada menjumpai apa-apa pada bilik mesyuarat?
- A : Tiada sebarang bahan bukti dijumpai di bilik mesyuarat tersebut.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Kemudiannya?

A : Saya telah meninjau disatu bahagian iaitu gambar 15 dan menurut Encik Anuar ini adalah tempat di mana mangsa telah diberi makan semasa beliau berada di pejabat sprm.

Q : Bilik ada sofa?

A : Ada.

Q : Adakah encik anuar beritahu mangsa telah diberikan makan pada pukul berapa?

A : Tiada.

Q : Tiada bahan bukti?

A : Tiada.

Q : Pemeriksaan seterusnya?

A : Dimana percakapan mangsa telah dirakam gambar no. 21, 22 , 23 adalah sama.

Q : 21-23 adalah bilik yang sama?

A : Ya.

Q : Macamana awak tahu?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

A : Ini telah diberitahu oleh Encik Mohd Anuar dan juga ASP Ahmad Nazri

Q : Rujuk ASP Ahmad Nazri kepada legend?

[saksi merujuk kepada legend]

Q : Ini pegawai sprm siapa?

A : Tidak tahu.

Q : Sila lihat legand 21,22 dan 23?

A : Pohon maaf. Saya ingin membuat pembetulan sebenarnya gambar 21 dan 23 adalah bilik mangsa dirakam percakapan bukan soal siasat di jalankan.

Q : Adakah kamu periksa bilik itu?

A : Di dalam bilik ini tiada sebarang bukti dijumpai hanya terdapat bahan bukti satu lagi dihadapan meja.

Q : Selepas memeriksa bilik ini DSP dan pasukan periksa di mana?

A : Saya membuat pemeriksaan di satu tingkat ditingkat yang sama

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

- Q : Kenapakah DSP dan pasukan kamu pergi periksa ke tingkat ini?
iaitu gambar 26, 27 dan 28 dan bersambung gambar 31,32,33 sehingga
29 dan saya dapati tingkap itu cermin berbingkaikan besi berukuran 132
cm tinggi, 82 cm lebar.
- A : Saya telah mendapat maklumat daripada Timbalan
OCCI.....ditiga kawasan.
- Q : Tujuan apa?
- A : Untuk mencari bahan sekiranya ada.
- Q : Apakah hasil pemeriksaan daripada segi bahan bukti?
- A : Saya dapati tingkap ini tidak berkunci didapati kerana pengunci
tingkap tersebut telah patah tinggal hanya tertinggal tapak kunci yang ada
kesan skru yang baru patah di tapak itu. Sepertimana gambar 35. Saya
telah tandakan no. 1 makmal forensik PDRM dan mengarahkan Koperal
Abraah untuk mengambil gambar.
- Q : Ini adalah pemegang.....tapak pengunci tingkap?
- A : Tapak pengunci. Setelah gambar diambil oleh Koperal
Abraah. Saya telah mengarahkan Sarjan Roslan untuk membuka tapak
tersebut untuk dijadikan bahan bukti.
- Q : Adakah pasukan kamu mengambil kesan-kesan cap jari di
bahagian tingkap atau di bahagian dalam?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

A : Tiada kerana saya telah difahamkan oleh pegawai penyiasat bahawa pasukan forensik selangor telah mengambil kesan cap jari.

Q : Ada di bahagian tingkap itu semasa pemeriksaan kamu ada nampak kesan tapak kasut?

A : Di bahagian bawah tingkap tersebut gambar no. 40 ia kelihatan seperti kesan tapak kasut tetapi ia tidak jelas dan saya telah mengarahkan koperal abraah untuk mengambil kesan tapak kasut.

Q : Apakah ukuran kesan tapak kasut itu?

A : Lebihkurang 9 inci.

Q : Adakah DSP dekat kawasan tingkap dan dinding, adakah kamu dapati apa-apa kesan bahan bukti?

A : Tiada.

Q : Semasa menjalankan pemeriksaan di bahagian tingkap tersebut adakah kamu menjumpai bahan bukti terdapat kerosakan atau calar yang menunjukkan ada kesan pergelutan.?

A : Tiada.

Q : Apa yang DSP buat dengan barang kes ini iaitu tapak pengunci tingkap dan skru?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

A : Barang kes yang saya tandakan barang 1 saya telah serahkan kepada ASP Ahmad Nazri.selepas dibungkus oleh Sarjan Roslan pada pukul 7.50 malam pada tarikh yang sama.

Deputy Public Prosecutor : Pohon ditunjuk tapak skru.

Mahkamah : I 22 A.

[saksi menunjukkan kepada mahkamah tapak skru yang telah patah]

Deputy Public Prosecutor : Saksi menyatakan skru yang baru patah.

Q ; Adakah DSP membuat pemeriksaan di tempat-tempat di pejabat SPRM?

A : Tiada.

Q : Adakah kamu menmbuat pemeriksaan di Tingkat 5 koridor bangunan tersebut?

A : Tiada.

Q : Waktu kamu serahkan barang kes tapak pengunci tingkap kepada ASP Ahmad Nazri pukul berapa?

A : Lebihkurang jam 7.50 malam.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Tiada tempat lagi periksa di Tingkat 14 dan Tingkat 5 dan selepas itu pasukan kamu buat apa?

A : Lebihkurang jam 9 malam, atas permintaan ASP Ahmad Nazri saya telah membuat pemeriksaan kereta Toyota Avanza nombor pendaftaran BKA 5109.

Q : Warna?

A : Warna hijau.

Q : Kenapa periksa kereta ini?

A : Menurut pegawai penyiasat kereta tersebut kepunyaan milik mangsa.

Q : Gambar no berapa?

A : Gambar. 42 sehingga 54. Kereta tersebut diletakan dihadapan di tempat parking hadapan IPD Shah Alam dan tidak berbumbung dan tiada sebarang garisan polis Selangor dan tinjauan yang saya telah buat di dalam bahagian kereta adalah bersih dan kemas

Q : Ada sebarang bahan bukti di dalam kereta tersebut?

A : Tiada.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Kereta ini diletakan di hadapan IPD seperti di tunjuk di dalam gambar. Siapa yang letak kereta ini di IPD, kamu tahu?

A : Saya tidak tahu.

Q : Habis periksa kereta tersebut, jam pukul berapa?

A : Lebihkurang jam 9.10 malam tarikh yang sama, atas arahan pegawai penyiasat.

Q : Selepas itu kita buat apa?

A : Lebihkurang jam 9.15 tarikh yang sama saya membantu pegawai menyiasat untuk melihat barang kes iaitu pakaian kepunyaan mangsa di pejabat beliau.

Q : Apa yang pegawai penyiasat minta dari pertolongan kamu?

A : No. 1 – sehelai blazer hitam dan saya dapati kesan syaki ada darah pada blazer tersebut.dan saya dapati butang semua mencukupi dan tiada kesan koyakkan pada blazer tersebut

Q : Blazer – eksibit I 36 C?

A : [saksi membuat pengecaman ke atas eksibit blazer – I 36 C] – terdapat 3 butang di bahagian hadapan dan 4 butang di tangan kanan dan kiri masih ada dan terdapat kesan darah dibahagian. – dicamkan.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

2) Sehelai baju kemeja lengan pendek warna biru jenama PINK DRAGON FLY saiz 39 dan pada baju ini juga terdapat kesan disyaki darah dan terdapat 6 butang. Butang yang pertama dari atas telah tiada dan pada poket baju tersebut terdapat pen warna oren yang bertulis SPRM selangor di dalam satu baju sebelah baju kiri dan tiada sebarang kesan koyakkan pada baju tersebut. Butang 1 dari atas tiada.

[saksi membuat pengecaman ke atas baju]

[Dicamkan]

3) Sehelai seluar slack warna krim dan ada kesan disyaki darah dan terdapat kesan koyakkan pada bahagian punggung seluar tersebut dan juga zip seluar rosak, butang depan seluar tersebut tiada dan kesan koyakkan di bahagian lutut sebelah kiri.

[saksi membuat pengecaman ke atas seluar simati]

[Dicamkan]

Deputy Public Prosecutor : I 16 D

A : Butang hadapan tiada bahagian dan kesan zip yang rosak dan koyakan disebelah lutut sebelah kiri dan kesan darah dan kesan koyakkan yang luas.

Q : Barang kes 4?

A : Satu tali pingang dan terdapat 8 lubang dan terdapat kesan putus di lubang yang ke 4.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Jenama?

A : Suave.

[saksi membuat pengecaman ke atas tali pinggang berjenama suave]

[Dicamkan]

Q : Barang kes yang ke 5?

A : Satu kasut warna hitam jenama Lee Cooper dan bersaiz 39 dan sebelah kiri sahaja dan juga terdapat kesan darah.

[saksi membuat pengecaman ke atas kasut sebelah kiri mangsa berjenama Lee Cooper]

[Dicamkan]

Deputy Public Prosecutor : I 29 A.

Q : Barang yang ke 6?

A : Seterusnya sepasang stoking warna biru gelap dan terdapat kesan koyakkan dikedua-dua stoking tersebut di bahagian tumit.

[saksi membuat pengecaman ke atas stoking]

[Dicamkan]

Mahkamah : I 39 C.

Q : Barang kes yang ke 7?

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

A : Akhir sekali seluar dalam warna biru kelabu berjenama BRENTWOOD dan ada kesan disyaki darah dan kesan koyakkan di celah tengah.

[Saksi membuat pengecaman ke atas seluar dalam]

[Dicamkan]

Dan setelah selesai membuat pemeriksaan kesemua barang kes tersebut saya telah membantu ASP Ahmad Nazri untuk membungkus dengan menggunakan seal IPD shah alam.

Q : Setelah barang-barang kes tersebut setelah di sealkan dan diserahkan kepada ASP Ahmad Nazri?

A : Ya.

Q : Selepas ini ada apa-apa tugas yang lain, DSP?

A : Pada tarikh tesebut saya selesai tugas pada pukul 10 malam.

Q : Seluruh pasukan?

A : Ya.

Q : Sila lihat gambar 40, tapak kasut di bahu tingkap adakah kamu tahu periksa dan dapat tahu siapa punya kesan tapak kasut ini?

A : Tiada.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Pemeriksaan oleh Encik Sreekant Pillay:

Q : DSP, pada masa tiba tempat kejadian adakah DSP tahu bahawa setelah lepas 3 hari bahawa mayat didapati?

A : Tahu.

Q : Masa tiba di pejabat SPRM pada tarikh 19 Julai 2009 adakah keseluruhan pejabat itu di kawal?

A : Hanya di bahagian tingkap di tingkat 14 itu terdapat garisan polis.

Q : Semasa melakukan pemeriksaan ke atas pejabat conference room iaitu gambar 15,16 dan 17 hingga 12. Semasa membuat pemeriksaan tersebut apakah bagaimanakah pemeriksaan dibuat, mata kasar atau alat2?

A : Di bilik digunakan poli light untuk mengesan bahan bukti kesan darah atau rambut tetapi tiada sebarang barang bukti ditemui.

Q : Adakah pejabat conference room tersebut dikawal?

A : Tiada.

Q : Adakah ia digunakan oleh pegawai SPRM pada masa itu?

A : Saya tidak pasti.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Adakah juga apa-apa penemuan cap jari di gunakan pada conference room tersebut?

A : Tiada.

Q : Segala gambar-gambar yang diambil oleh Detektif Koperal Abraah ia berpandukan maklumat yang diberikan oleh pegawai penyiasat Encik Anuar?

A : Saya yang mengarahkan Detekfif Koperal Abrahah untuk mengambil gambar.

Q : ..dimana saksi berada ditingkat 14 diberitahu oleh siapa?

A : Encik Anuar dan ASP Ahmad Nazri .

Q : Encik Anuar Ahmad adalah satu daripada pegawai SPRM yang menyiasat?

A : Saya tidak tahu beliau pegawai penyiasat dan beliau adalah salah seorang pegawai yang hadir pada petang itu.

Q : Apabila masuk dalam pejabat SPRM di dalam pejabat di tingkat 14, adakah terdapat apa-apa alat biometrik iaitu security kad dan nombor iaitu di pintu atau di dalam SPRM?

A : Tiada.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Rujuk gambar 4, gambar 4 boleh dapati perkataan keluar, disebelah bawah pintu kaca, disebelah ada satu kotak hitam ada nombor dan kotak meterik biometrik?

A : Saya boleh terang tentang ini, Pintu utama ini mesti menggunakan nak masuk perlu guna akses kad dan keluar juga perlu menggunakan akses kad.

Q : Keluar dan masuk perlu menggunakan akses kad?

A : Ya.

Q : Adakah DSP mengambil apa-apa laporan atau pun computer print out pada orang yang keluar masuk pada waktu itu menggunakan akses kad?

A ; Tiada.

Q : Soalan saya adalah pada 15 dan 16 Julai, adakah menggunakan langkah print out akses kad?

A : Tiada.

Q : Dalam gambar 21 dan 23, di mana percakapan mangsa yang dikatakan dirakamkan oleh ASP Ahmad Nazri dan Encik Anuar disini apakah pemeriksaan yang dijalankan untuk mencari bahan bukti?

A : Hanya menggunakan mata kasar.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

- Q : Mata kasar bagaimana pula di kawasan tingkap, apakah cara-cara bahan bukti?
- A ; Saya tidak menggunakan sebarang alat untuk membuat pemeriksaan di bahagian tingkap I tersebut ni kerana pertama difahamkan oleh oleh ASP Ahmad Nazri telah dibuat oleh forensic selangor dan kedua saya telah hadir 3 hari selepas kejadian berlaku dan berlaku pencemaran di kawasn tersebut.
- Q : Mengenai kereta BKA 5109, pada 19.7.2009 kereta itu masih berada di bawah bangunan car park?
- A : Saya tidak pasti.
- Q ; Adakah daripada pegawai dalam pasukan DSP yang membawa ke balai polis?
- A : Tidak tahu.
- Q : Adakah DSP telah diberi kunci kereta?
- A : semasa saya membuat pemeriksaan saya telah diberi oleh ASP Ahmad Nazri.
- Q : Kunci kereta telah diberikan oleh ASP Ahmad Nazri pada masa itu?
- A : Ya.

SI 14 – DSP SHAHRUL OTHMAN BIN MANSOR

Q : Pohon rujuk pada legand, hanya penjelasan pada 24 sehingga 29, legand itu memberitahu pandangan laluan itu disyaki simati jatuh dari tingkap disyaki jatuh?

A : Ya.

No futher question.

Watching brief : Pohon reserved kepada Encik Gobind Deo Sing.

Deputy Public Prosecutor : Pohon saksi dilepaskan kembali bertugas.
Subject to recall.

Mahkamah : Dilepaskan dengan syarat. Boleh dipanggil semula apabila perlu.

Mahkamah : Mr. Tan macamana dengan Dr.

Deputy Public Prosecutor : Mengenai Dr. Khairul. Saya mencadangkan esok pagi 9 hingga 12 boleh habiskan dengan Dr. Khairul.

Mahkamah : Manakala Dr. Prasanth

Deputy Public Prosecutor : 1st Dr. Khairul and the next Monday Dr. Prasanth because his not well. That all.

Mahkamah : Esok – 14 Ogos 2009
8:30 pagi.

t.t Azmil Muntapha bin Abas